



**LAPORAN KENAMPAKAN HILAL JUMADAL AKHIR 1425 HIJRI
PADA 30 JUMADAL AWWAL 1425/18 JULAI 2004**

- 1- Lokasi cerapan hilal Jumadal Akhir 1425 di Bukit Jugra, Kuala Langat.
- 2- Berdasarkan kepada maklumat cerapan pada hari rukyah iaitu 30 Jumadal Awwal 1425 Hijri bersamaan 18 Julai 2004 Miladi, anak bulan dapat kelihatan kerana telah memenuhi syarat Imkannur Rukyah.
- 3- Mengikut hisab falak, anak bulan telah menepati justifikasi Imkannur Rukyah yang telah ditetapkan iaitu:-

(a) Ketika matahari terbenam:-

- i- Ketinggian (altitud) bulan tidak kurang daripada 2°

DAN

- ii- Jarak lengkung matahari ke bulan tidak kurang daripada 3°

ATAU

- (b) Ketika bulan terbenam, anak bulan tidak kurang daripada 8 jam

- 4- Antara faktor-faktor anak bulan telah menepati justifikasi Imkannur Rukyah ialah:-
- i- Pada hari rukyah (30 Jumadal Awwal 1425) anak bulan telah wujud dan ijtimak telah berlaku pada 17 Julai 2004 (29 Jumadal Awwal). Ia telah berlaku setelah terbenam matahari pada hari tersebut pada jam 7.24 malam.
 - ii- Pada hari rukyah juga, hilal telah kelihatan pada jam 7.41 malam, azimuth hilal ketika kelihatan ialah $293^{\circ} 05' 04''$ dan kedudukan hilal pada ketika itu ialah di kanan matahari.
- 5- Oleh itu kesimpulannya, berdasarkan maklumat di atas, pada keesokan harinya iaitu 19/07/2004 (Isnin) bersamaan 01 Jumadal Akhir.

Laporan di sediakan oleh,

Rizal B. Ramli

Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam

(Unit Penyelidikan dan Pembangunan)

Bahagian Falak Syarie

Jabatan Mufti Selangor